

UMS ARENA

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



PESERTA-PESERTA bergambar bersama Yamani (barisan kedua, keenam dar kanan) dan pegawai-pegawai selepas sesi penutupan.

Safa anjur kursus kejurulatihan futsal tahap dua pada Ogos

GL Oh DE 11.3.2014 12

KOTA KINABALU: Kursus kejurulatihan tahap dua Futsal Persekutuan Bolasepak Asia (AFC) yang julung kali diadakan di negara ini berkemungkinan bakal diadakan di Sabah pada Ogos tahun ini.

Yang merupakan pengerusi jawatankuasa futsal dan bola sepak pantai Persatuan Bolasepak Sabah (Safa) mengatakan ini pada Ahad, semasa majlis penutupan kursus ulang kaji futsal selama dua hari di UMS.

Menurut beliau, jawatankuasanya akan mula bekerja dengan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan cuba mengadakan kursus tersebut pada Ogos dan ia menyusul kursus tahap satu yang diadakan di sini pada Jun 2012 yang turut merupakan yang pertama seumpamanya dalam negara.

Cadangan oleh Yamani menerima sokongan daripada ketua unit kejurulatihan FAM, Gopal Krisnan serta

Pengarah Teknikal Futsal, Marcello Serpa Coelho yang berada di sini untuk mengendalikan kursus ulang kaji.

"Pembangunan futsal di Sabah sangat aktif, terimakasih kepada tanggungjawab yang dilaksanakan dengan baik oleh jawatankuasa futsal di bawah kepimpinan Yamani," kata Gopal.

"FAM akan sentiasa memberikan sokongan mereka kepada mana-mana program pembangunan dan satu lagi kejayaan bersejarah bagi Sabah dan negara jika kursus tahap dua berjaya diadakan di sini Ogos tahun ini."

Sementara itu, Marcello turut mengucapkan tahniah kepada Safa kerana mengambil inisiatif untuk cuba menganjurkan kursus tahap dua.

"Ini merupakan susulan yang sangat baik kepada kursus tahap satu dan ini menunjukkan usaha FA negeri untuk membawa sukan ini ke

tahap lebih tinggi."

Sementara itu, jawatankuasa futsal dan bola sepak pantai akan mengadakan klinik kejurulatihan di Sipitang, Sandakan, Tawau dan Kota Marudu.

Mungkin turut terdapat kejoanan antara daerah yang akan diadakan pada Jun di samping cadangan kejoanan bawah 17 tahun bagi mencungkil bakat-bakat untuk bermain dalam skuad Sukma dan pasukan senior.

Yamani dalam ucapannya turut mengucapkan tahniah kepada pasukan futsal wanita Sabah yang mendapat tempat kedua dalam Grand Final Kebangsaan di Shah Alam baru-baru ini.

Beliau turut menyatakan kegembiraan apabila 47 peserta mengorbankan masa dan wang ringgit untuk menghadiri kursus ulang kaji dan menganggap ia sebagai perkembangan yang baik untuk sukan tersebut.